

# MyCC dapati syarikat e-hailing itu langgar Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 **Grab berdepan denda RM86 juta**

**KUALA LUMPUR** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mencadangkan supaya syarikat perkhidmatan e-hailing Grab Inc (Grab) didenda sebanyak RM86.7 juta kerana melanggar Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 secara kolektif.


Kena Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail berkata, suruhanjaya itu juga mencadangkan Grab dikenakan penalti kewangan harian sebanyak RM15,000 mulai semalam selepas menyahgugurkan kedudukan dominannya dengan mengenakan beberapa klausa sekatan ke atas peminat.

“Kami dapati Grab telah menghalang peminatnya daripada mempromosi dan menawarkan perkhidmatan pengiklanan untuk pesaing Grab dalam pasaran e-hailing dan pengiklanan media transit.

“MyCC mencadangkan untuk mengenakan penalti kewangan sebanyak RM86,772,943.76 terhadap Grab serta penalti harian sebanyak RM15,000 daripada tarikh cadangan keputusan itu,” katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat MyCC di sini semalam.

Menurut Iskandar, klausa-klausa sekatan itu telah memberi kesan dari segi menjejaskan persaingan dalam pasaran relevan yang berteraskan platform pelbagai dengan mewujudkan sekatan bagi penyertaan dan pengembangan untuk pesaing Grab yang sedia ada dan di masa depan.

Katanya, di bawah Seksyen 10 akta itu, sesebuah syarikat dihalang daripada terlibat sama ada secara bebas atau kolektif dalam sebarang tingkah laku yang membawa kepada salah guna kedudukan dominan dalam sebarang pasaran bagi barangan



GRAB merupakan antara perkhidmatan e-hailing yang mendapat sambutan dalam kalangan pengguna negara ini. - Gambar hiasan

takan, MyCC juga akan terus memantau Grab bagi sebarang kemungkinan perlakuan anti-persaingan selepas mengambil alih perniagaan pesaing terdekatnya, Uber Technologies Inc di Asia Tenggara pada Mac tahun lalu.

Dalam pada itu, jurucakap Grab memberitahu, pihaknya mematuhi sepenuhnya Akta Persaingan 2010 dan tidak menjangka menerima keputusan menegenai cadangan untuk dikenakan denda RM86.7 juta atas dakwaan kesalahan berkenaan.

“Pasukan peguam kami sedang mengkaji keputusan cadangan itu.

“Kami percaya ia adalah amalan biasa bagi perniagaan untuk menentukan ketersediaan dan jenis pengiklanan pihak ketiga di platform masing-masing mengikut keperluan dan maklum balas pengguna.

“Kami akan menyerahkan representasi bertulis kepada MyCC pada 27 November nanti,” katanya.

“Suruhanjaya itu kemudiannya akan membuat keputusan akhir di bawah Seksyen 39 atau 40 Akta itu selepas menimbang representasi itu dan kesemua maklumat dan bukti (berkaitan),” jelasnya.

Laporan sebelum ini menyalaikan kepada MyCC.

atau perkhidmatan.

Bagaimanapun, Iskandar berkata, keputusan untuk mendenda Grab belum muktamad kerana syarikat itu diberi tempoh 30 hari untuk mengemukakan representasi atau pembealaan kepada MyCC.



ISKANDAR